

18 JUN 1999

Mahathir-Umno (Kongres)

KONGRES AS MELAMPAUI BATAS DALAM ADILI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kongres Amerika Syarikat (AS) telah melampaui batas apabila mereka mempersoalkan sistem keadilan negara sedangkan Malaysia sendiri tidak dapat mempertahankan dirinya terhadap usaha memburukkannya di luar negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berucap pada Perhimpunan Agung Umno di sini merujuk kepada laporan Bernama berhubung satu siasatan sebuah jawatankuasa kecil kongres Amerika Syarikat baru-baru ini mengenai Malaysia.

Beliau berkata di samping tiada wakil Malaysia untuk membela negara, jawatankuasa kecil itu turut menukar tajuk siasatan itu kepada yang lebih negatif.

"Itu pun tak cukup. Pada mulanya tajuknya ialah 'Malaysia Under the Leadership of Mahathir Mohamad' (Malaysia di bawah Kepimpinan Mahathir Mohamad) ditukar dengan cara lebih negatif kepada 'Malaysia: Assessing the Mahathir Agenda' (Malaysia: Menilai Agenda Mahathir).

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Di Malaysia, kita beri peluang mereka yang dituduh mempertahankan diri. Sedangkan dalam Majlis Tertinggi pun kita beri peluang mereka membela diri.

"Dan di mahkamah, mereka dibenar mempertahankan diri dengan beberapa peguam. Dalam kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sembilan orang peguam mempertahankannya tetapi apakah yang dilakukan di Amerika Syarikat baru-baru ini?" soal beliau.

Dr Mahathir berkata dalam siasatan itu, wakil Malaysia tidak ada untuk mempertahankan kedudukan Malaysia manakala saksi-saksi yang dipanggil terdiri daripada mereka yang membenci Malaysia.

"Inilah cara mereka mengadili kita. Saya tak dapat pergi pun. Tak dapat pertahankan diripun dia bicarakan saya," katanya.

Jawatankuasa kecil itu mengadakan siasatan itu kononnya untuk "mendidik" orang awam Amerika mengenai Malaysia.

Tiga saksi yang dipanggil dalam siasatan itu ialah Timbalan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal-ehwal Asia Timur dan Pasifik Ralph Boyce, Presiden Pusat Dasar Asia Pasifik Douglas Paal dan Dr Linda Lim, rakyat Singapura yang mengajar di University of Michigan Business School.

Menurut laporan Bernama siasatan selama satu setengah jam itu tidak mendapat sambutan dengan hanya tiga daripada 21 anggota jawatankuasa kecil itu hadir.

Dalam siasatan itu, Paal juga mengakui bahawa pusatnya telah bersekongkol dengan Anwar dan menerima manfaat daripada sumbangan oleh Anwar dan sekutunya.

Dr Mahathir berkata: "Ini jelas menunjukkan ada kerjasama orang dalam dengan orang luar."

Beliau berkata Paal kini tidak lagi menerima bantuan kewangan daripada Anwar berikutan bekas Menteri Kewangan itu kini berada dalam penjara.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah terhadap empat pertuduhan rasuah menyalahgunakan kuasa Timbalan Perdana Menteri.

--BERNAMA

SHO AD NAK